

04/04/2002

ICFM langkah permulaan beri takrif sebenar keganasan

SESI Khas Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) berakhir semalam dengan meluluskan sebulat suara Deklarasi Kuala Lumpur yang membayangkan keazaman kolektif mereka dalam memerangi keganasan. Namun, bukan menghairankan apabila ada pihak menyifatkan sesi itu gagal mencapai kata sepakat mengenai definisi keganasan yang menjadi antara matlamat ICFM diadakan. Seolah-olah menepati agenda mereka, agensi berita asing terus menonjolkan `kegagalan' itu dalam laporan sekitar perjalanan ICFM sejak kelmarin lagi apabila draf awal dikeluarkan. Lebih ditekankan ialah ia memberi gambaran ketidakupayaan pemimpin negara Islam bermuafakat sekalipun ketika pemimpin Palestin, Yasser Arafat, berada dalam kepungan di Ramallah tanpa makanan.

Berlawanan dengan yang digambarkan oleh media asing, sebenarnya ada rasional di sebalik tindakan untuk tidak membuat takrifan mengenai keganasan dalam erti kata sebenar. Lebih-lebih lagi, ia disengajakan dalam usaha meyakinkan masyarakat dunia, terutama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Amerika Syarikat, agar menyegerakan satu sidang antarabangsa khusus bagi membincangkan soal keganasan - daripada definisi, puncanya dan kaedah terbaik menanganinya. Sebaliknya, jika Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) menerusi ICFM membuat takrifan itu, mahu tidak mahu isu konflik Arab-Israel akan turut diheret sama. Lagipun, sebarang takrifan mengenai keganasan adalah tugas PBB dan biarlah badan dunia itu yang mencadang, membincang dan memutuskannya.

Isu takrifan ini timbul apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucaptamanya sempena perasmian ICFM - yang dilangsungkan atas inisiatif Malaysia - Isnin lalu antara lain mencadangkan supaya serangan bersenjata atau lain-lain bentuk serangan terhadap orang awam sebagai tindakan ganas dan mereka yang melakukannya dianggap sebagai pengganas. Sama ada penyerangnya bertindak sendirian atau atas arahan kerajaan, dan oleh tentera atau bukan, jika yang diserang adalah orang awam, maka penyerangnya mesti dianggap sebagai pengganas. Kumpulan atau kerajaan yang menyokong serangan terhadap orang awam mesti dianggap sebagai pengganas tanpa mengambil kira justifikasi serangan atau kemuliaan perjuangan itu. Bagaimanapun, seperti ditegaskan Dr Mahathir, jika orang awam menjadi mangsa secara tidak sengaja, maka penyerangnya tidak patut dianggap pengganas.

Sepanjang berlangsungnya ICFM, pelbagai pandangan didengar. Di sebalik ada yang berbelah bahagi sama ada takrifan mengenai keganasan akan menepati kehendak atau sebaliknya, ada juga yang menyuarakan kebimbangan. Seseengah perwakilan berasaskan sebarang definisi mengenai keganasan, akan menyukarkan dunia untuk menanganinya apabila pihak lain, termasuk kuasa besar, mungkin tidak bersetuju, lantas boleh membantutkan lagi keadaan. Rumusannya ialah sebarang definisi keganasan bukan saja harus mengambil kira perasaan negara Islam, malah lebih penting lagi ia diterima oleh masyarakat dunia.

Mengambil kira keadaan itu, ICFM sekadar memperkukuh dan menyelaras pandangan negara anggota OIC mengenai takrif yang sudah dicapai pada Konvensyen OIC untuk memerangi keganasan antarabangsa supaya diterima di peringkat antarabangsa. OIC dalam artikel 1 konvensyen itu memutuskan takrif keganasan yang antara lain menyebutnya sebagai sebarang tindakan ganas atau ancaman tanpa mengambil kira motif atau niat yang dilakukan oleh individu atau secara kolektif dengan matlamat menimbulkan rasa

gentar, mengancam keselamatan, membahayakan nyawa, maruah, kebebasan dan hak. Jenayah keganasan bermakna sebarang jenayah yang dilakukan, dimula atau disertai bagi mencapai matlamat untuk mengganas.

Apa pun, sidang itu mencapai kejayaan, terutama dengan kata sepakat mengutuk segala bentuk keganasan dan tidak ada percanggahan pendapat apabila Deklarasi Kuala Lumpur dibentangkan oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, selaku pengerusi persidangan semalam, sebaliknya diluluskan sebulat suara. Walaupun deklarasi 17 perkara itu tidak menyebut secara jelas Israel sebagai negara pengganas, ia tetap dengan tegas mengutuk mana-mana negara yang melakukan keganasan tanpa mengira motif di samping mendesak masyarakat antarabangsa bertindak segera terhadapnya. Malah, OIC mengisytiharkan rejim Zionis Israel sebagai negara pengganas berdasarkan persetujuan dalam deklarasi berkenaan. Sebagai langkah susulan, pihak antarabangsa hendaklah mengambil tanggungjawab dalam menamatkan tindakan ketenteraan Israel dan segera berundur sepenuhnya dari wilayah yang diduduki.

Pada ketika media asing, terutama yang dikuasai Amerika, cuba mempersenda dan memperkecilkan ICFM, mereka sendiri tidak bebas daripada menerima pelbagai tanggapan negatif. Berbanding liputan berita dan visual yang terang-terang memihak Israel, terlalu sedikit atau hampir tiada langsung yang memaparkan mangsa pembunuhan beramai-ramai di pihak rakyat Palestin. Melalui internet, umum mengetahui ramai rakyat Palestin yang cedera diserang, dihalang mendapat rawatan. Hospital tidak terkecuali diserbu tentera Yahudi tetapi pengedaran visual dan gambar-gambar berkenaan disekat. Adalah jelas media seperti ini tidak pun memberi keadilan terhadap perjuangan rakyat Palestin. Kalau pun mereka diharamkan daripada memasuki Ramallah, anehnya pertubuhan antarabangsa yang mewakili wartawan tidak pun bersuara. Andainya mereka tidak berupaya untuk lebih objektif sebagaimana didakwa, maka bukanlah hak mereka untuk menghukum ICFM atau sebarang persidangan lain sebagai gagal.

(END)